

Ketua Pemuda MCA dakwa wujud undi paksa

BH 31 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, hari ini mendakwa wujud pengundian paksa yang didalangi ketua pemuda negeri melebihi had umur 45 tahun ketika penamaan calon Selasa lalu.

Beliau kesal tindakan Ketua Pemuda itu yang dikatakan mengadakan mesyuarat tidak formal dan menggunakan taktik paksaan untuk mendapatkan undian walaupun mendapat bantahan pemimpin lain.

Ong yang masih digantung dari segi kuasa dan tugasnya sebagai Ketua Pemuda MCA mengaku menerima banyak aduan dan pertanyaan ekoran penamaan calon bagi pemilihan Pemuda MCA peringkat negeri, Selasa lalu.

"Walaupun saya masih digantung daripada jawatan, tetapi mereka tetap memaklumkan perkara ini kepada saya.

"Daripada maklum balas yang saya terima, memang wujud undian secara paksaan untuk pemilihan pergerakan pemuda MCA di peringkat negeri," katanya selepas sidang akhbar Kempen Kebajikan A'Famosa sempena Hari Bapa dan sambutan perayaan Duan Wu di sini, hari ini.

Ong berkata, walaupun tidak menganggotai panel atau jawatankuasa khas untuk melaksanakan Pelan Damai tajaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau tetap prihatin perkembangan semasa.